



LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE NEGERI JOHOR



Pada 5 hingga 6 Julai 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin telah melakukan lawatan turun padang ke beberapa lokasi di Negeri Johor. Antara lokasi yang dilawati adalah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dimana beliau telah diberikan taklimat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Adib Azhari Bin Daud, Datuk Bandar MBJB dan membuat penyerahan Lesen Penjaja *Foodtruck* kepada beberapa penjaja terpilih.

Turut dibincangkan adalah peranan MBJB dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada rakyat termasuklah perancangan untuk merancakkan semula aktiviti ekonomi pasca Covid-19. Pihak Berkuasa Tempatan turut disarankan untuk mempermudahkan urusan dan membantu para peniaga mendepani situasi semasa. Pendekatan berbeza perlu dilakukan agar usaha menjana semula ekonomi negara berjaya dilaksanakan.

KPKT turut menyatakan hasrat bagi pembinaan tapak pengurusan sisa pepejal yang menggunakan konsep Waste To Energy (WTE) di Bukit Payong dan Seelong di Johor. Selain itu, satu pembinaan Waste Park turut akan dilaksanakan berdekatan Tanjung Langsat dengan keluasan 700 ekar. Pembinaan tapak-tapak ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan sisa pepejal di negeri Johor.



© Unit Komunikasi Korporat, KPKT

Seterusnya, sesi lawatan diteruskan ke tapak peniaga Jalan Beladau, di Lot Tanah 43952, Jalan Beladau 24, Taman Puteri Wangsa dimana YB Menteri menyantuni dan mendengar permasalah yang dihadapi oleh para peniaga di situ.

Lawatan kerja YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin ke Johor diteruskan lagi dengan hadir ke Pengerang Integrated Complex (PIC) dan juga Projek Central Oasis, Pengerang bagi melihat inisiatif-inisiatif Bandar Pintar.

Selari dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan Bandar Pintar di Malaysia, Majlis Perbandaran Pengerang telah menyahut cabaran dan telah melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya adalah:

- 21 unit Smart CCTV
- Smart Traffic Light
- 20 unit Digital Bunting
- Smart Governance (PengerangApps)
- 119 unit Smart Lighting
- Easy Electronic Tree Data Collection

Inisiatif-inisiatif bandar pintar ini telah dilaksanakan demi memantapkan tadbir urus serta memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Turut dibincangkan adalah cabaran dan peluang dalam pengurusan sisa pepejal di kawasan ini yang memperlihatkan potensi untuk menggunakan konsep terkini dan lebih efisyen.

Selain itu, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin turut diberikan taklimat perbandaran dan hala tuju oleh Majlis Perbandaran Pengerang.



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin kemudiannya meneruskan siri lawatan ke Johor dengan melawat Rumah Pangsa Orkid, Taman Desa Cemerlang bagi melihat pengurusan Wijaya Sdn. Bhd. yang dilihat mempunyai potensi untuk dijadikan contoh pengurusan perumahan strata yang terbaik.

Pengurusan perumahan strata di sini telah berjaya membuktikan konsep komuniti berdaya saing dan mampan mampu digerakkan oleh komuniti itu sendiri. Ini selari dengan Dasar Komuniti Negara yang mahu melihat komuniti di perumahan strata untuk berdisiplin tinggi dalam menjaga kawasan perumahan dan harta guna bersama.

Di perumahan strata ini, pengurusan telah mengambil inisiatif sendiri untuk memasang sebanyak 97 unit CCTV bagi memantau keselamatan dan pergerakan penghuni. Ini secara tidak langsung telah berjaya mendidik para penghuni untuk menjaga tingkah laku dan lebih peka dengan kebersihan dan keselamatan kawasan perumahan.

Turut dibangunkan adalah aplikasi iCARES yang membolehkan komuniti di sini membuat pembayaran bil secara atas talian, pengurusan aduan yang lebih bersepadu, serta pemakluman informasi yang lebih cepat dan efisyen.

Tahniah diucapkan kepada pengurusan di sini yang telah menyahut seruan Kerajaan dan telah berjaya memimpin dan memperkasa komuniti. Pengurusan perumahan strata yang lain juga disarankan untuk mencontohi dan terus memberdayakan komuniti setempat.



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin mengakhiri siri lawatan beliau ke Johor dengan melancarkan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti, bersama penduduk-penduduk di PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor.

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin dalam amanatnya kepada penduduk PPR Desa Mutiara mengingatkan para penduduk supaya terus aktif melibatkan diri dalam aktiviti kebersihan seperti gotong-royong dan program komuniti lain.

Beliau turut mempertimbangkan keperluan pemasangan CCTV di kawasan PPR berkenaan supaya dapat menambah baik mutu keselamatan di kawasan perumahan berkenaan, serta dapat memantau tindakan individu tidak bertanggungjawab yang membuang sampah di merata-rata tempat.

Selain itu, beliau turut menyerahkan alat pemadam kebakaran kepada Bomba Komuniti PPR Desa Mutiara dan bantuan Covid-19 kepada penduduk setempat.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat